



**KENYATAAN MEDIA  
YAB PERDANA MENTERI**

**PELANTIKAN PENERUSI DAN ANGGOTA  
SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

---

Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan subseksyen 5(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 24 Januari 2024 telah memperkenankan pelantikan tujuh (7) anggota Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan / *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) untuk tempoh 3 tahun berkuat kuasa pada 1 Februari 2024 sehingga 31 Januari 2027 seperti yang berikut:

- 1. YBHG. TAN SRI DR. ISMAIL BIN HAJI BAKAR**
- 2. YBHG. DATUK DR. PRASAD SANDOSHAM ABRAHAM**
- 3. YBHG. DATUK SERI DR. YUSOF BIN ISMAIL**
- 4. YBHG. DATO' SERI DR. RAZALI BIN AB MALIK**
- 5. YBHG. DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS**
- 6. YBHG. DATUK ONG LAM KIAT**
- 7. YBHG. DATUK SITI ZAINAB BINTI OMAR**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut memperkenalkan pelantikan YBhg. Tan Sri Dr. Ismail bin Haji Bakar sebagai Pengerusi dan YBhg. Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham sebagai Timbalan Pengerusi EAIC.

Semoga pelantikan ini akan memperkukuh pelaksanaan fungsi dan keberkesanan EAIC ke arah memastikan mutu penguatkuasaan yang efektif dan berintegriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan.

Kerajaan juga merakamkan penghargaan kepada barisan Pesuruhjaya EAIC yang terdahulu iaitu YBhg. Tan Sri Sidek Hassan, YBhg. Tan Sri Datuk Zainun Ali, YBhg. Tan Sri Mahmood Adam, YBhg. Tan Sri Datuk Wira Aziah Ali, YBhg. Dato' Alizatul Khair Osman Khairuddin, YBhg. Dato' John Louis O'hara dan YBrs. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud yang telah melengkapkan perkhidmatan mereka di Suruhanjaya tersebut pada 30 Jun 2023.

**ANWAR IBRAHIM**

20 Februari 2024